

NO. SOALAN : 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT  
[MERBOK]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 23**

**YB Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) yang telah siap. Adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dasar projek tersebut supaya ianya dapat dimiliki oleh golongan sasaran**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini secara keseluruhannya Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 261,248 unit kediaman di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa mengikut kekerapan mesyuarat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 141,661 unit sedang berada dalam pembinaan di seluruh negara manakala jumlah selebihnya dalam peringkat perancangan.

Untuk makluman Ahli yang terhormat selanjutnya, berkenaan sasaran kediaman yang akan siap pada hujung tahun 2017, PR1MA menetapkan sasaran siap sebanyak 16,250 unit iaitu di Kedah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Johor dan Perak. Jumlah ini adalah mengikut perancangan dan dijangka akan meningkat kelak.

Berkeanaan kajian dasar projek pula, PR1MA sentiasa mengkaji dan mengemaskini polisinya dari semasa ke semasa. Ini adalah untuk memastikan PR1MA menepati keperluan pemohon.

Setiap pemohon yang berminat dengan kediaman PR1MA hendaklah mendaftar secara atas talian melalui Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA. Sistem ini menjadi panduan untuk mengetahui keperluan dan kekangan pemohon untuk memiliki rumah. Berpandukan sistem tersebut, PR1MA mengenal pasti polisi dan dasar yang bersesuaian untuk membantu pemohon menghadapi dilema pemilikan rumah.

Sekian. Terima kasih.